

**PENYEDIAAN PERABUT JALAN DI PUSAT TUMPUAN
KAJIAN KES : PASAR BUDAYA DAN LEBUH PUDU**

**OLEH :
SURAYA HJ DAHLAN**

**Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah
Fakulti Senibina Perancangan Dan Ukur
Institut Teknologi Mara
Shah Alam**

Oktober 1997

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Senarai Jadual	iii
Senari Rajah	iv
Senarai Gambar	v
Senarai Lampiran	vi
Senarai Singakatan Nama	vii

KANDUNGAN

BAB 1	Pengenalan	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Kenyataan Masalah	2
1.3	Tujuan Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	4
1.5	Skop Kajian	5
1.6	Methodologi	6
1.7	Carta Alir Kerja	8
1.8	Kajian Kes	9
1.9	Had Kajian	9
1.10	Jadual Kerja	10

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim , dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah s.w.t dengan rahmat dan limpah kurniaNya dapat saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Tugas akhir ini tidak dapat disiapkan tanpa bantuan dari mereka-mereka yang banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar semasa saya menjalankan kajian. Setinggi-tinggi penghargaan diberikan terutamanya kepada Dr. Rustam Abas, Penyelia Kajian Akhir, pensyarah-pensyarah yang terlibat, pegawai-pegawai DBKL dari Jabatan Perancang Bandar, En. Meor dari Jabatan Senitaman & Rekreasi dan En. Nasri dari Jabatan Pengangkutan Bandar. Tanpa sokongan dan kerjasama yang diberikan, belum tentu kajian yang dbuat dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Ucapan terima kasih juga diberikan kepada keluarga yang tercinta emak, abah, along, angah, alang, Zai, Yan dan anak-anak saudara tersayang Faisal dan Nina, yang banyak memberi membantu dari segi kewangan dan memahami keadaan. Buat rakan-rakan seperjuangan kursus Diploma Perancang Bandar dan Wilayah 05 & 06, segala jasa baik kalian akan tetap dikenang.

ABSTRAK

Di dalam keadaan negara yang pesat membangun menuju Wawasan 2020, serta ke era teknologi bermaklumat, pelbagai kemajuan dan peningkatan yang telah dicapai. Ini dapat dilihat terutamanya dari aspek perkhidmatan dan kemudahan berteknologi tinggi dan canggih yang telah disediakan bagi kemudahan masyarakat. Namun begitu di dalam keghairahan memperbaiki dan meningkatkan mutu kemudahan dan perkhidmatan awam terdapat beberapa aspek yang penting telah diabaikan. Walaupun aspek-aspek ini dianggap remeh dan kecil, tetapi ianya memberi kesan yang mendalam dan berguna kepada masyarakat, sebagai contoh aspek keselamatan orang ramai.

Kajian yang dibuat lebih tertumpu pada aspek keselesaan masyarakat didalam menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan awam. Kesusakan lalulintas kerap kali menjadi tajuk perbualan masyarakat, tetapi yang ingin diketengahkan adalah salah satu elemen yang berkaitan dengan lalulintas, iaitu perabut jalan. Kajian yang lebih terperinci telah dibuat di kawasan yang diketahui pusat tumpuan orang ramai iaitu di Pasar Budaya dan Lebu Pudu. Dari kajian secara teoritikal dan pengamatan dapat disimpulkan bahawa penyediaan kemudahan perabut jalan telah diabaikan dan kurang berfungsi. Diharapkan dengan kajian ini dapat membuka mata dan menarik perhatian pihak-pihak tertentu. Beberapa cadangan juga dikemukakan bagi mengatasi dan menangani kekurangan yang ada.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Kuala Lumpur sebagai sebuah ibunegara mengalami proses pembangunan yang pesat. Namun begitu akibat dari kepesatan pembangunan, tahap kebersihan dan keselesaan orang ramai telah diabaikan. Bangunan pencakar langit, jalanraya yang sesak, kemudahan yang serba kekurangan, pencemaran dan sebagainya menyebabkan penduduk Kuala Lumpur terhimpit di sebalik kemewahan yang dinikmati.

'Street Furniture' atau perabot jalan merupakan elemen yang penting di pinggir jalan. Penyediaan perabot jalan yang baik dapat mewujudkan suasana yang selesa kepada pengguna jalanraya. Ia dapat mengurangkan ketegangan ketika didalam kesesakan lalulintas dan menjamin keselamatan orang ramai. Selain daripada itu, ia juga dapat mengindahkan jalan disamping menjadi petunjuk arah kepada pengguna-pengguna jalanraya. Perabot jalan juga dapat menaikkan nilai astetik disesuatu kawasan tersebut.

Di negara kita perabot jalan tidak dititikberatkan penyediaannya. Perabot jalan yang baik hanya terdapat di jalan-jalan utama dan tempat tumpuan pelancong sahaja. Kawasan-kawasan lain seperti tempat awam yang amat memerlukan elemen perabot jalan diabaikan. Ini dapat dilihat di kawasan kajian iaitu di Pasar Budaya dan Lebu